

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April, 1991

AAP 403 - PERNIAGAAN, KERAJAAN DAN MASYARAKAT

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **WAJIB**. Pilih **EMPAT** soalan yang lain.

1. (a) Terangkan secara ringkas konsep berikut:

Etika utiliti
Etika hak kemanusiaan
Etika keadilan.

[10 markah]

(b) Sebagai seorang eksekutif, anda terpaksa membuat keputusan yang mungkin mengakibatkan penutupan sebuah kilang yang mempunyai 5,000 pekerja untuk mengelakkan kerugian.

Sekiranya anda terpaksa memilih satu daripada tiga konsep di atas (1a) sebagai panduan untuk membuat keputusan secara etika, yang mana satukah pilihan anda dan mengapa?

[10 markah]

2. Kenalpastikan peringkat atau dimensi gerak balas (responsiveness) sosial korporat. Terangkan strategi-strategi yang boleh digunakan pada setiap peringkat oleh organisasi sebagai reaksi yang memadai terhadap persekitaran sosial.

[20 markah]

3. (a) Terangkan secara ringkas model Kohlberg mengenai peringkat perkembangan moral.

[10 markah]

- (b) Kenalpasti dan terangkan cadangan yang boleh anda guna untuk mempertingkatkan perlakuan etika dalam organisasi perniagaan.

[10 markah]

4. Terangkan dengan contoh jenis peraturan kerajaan yang utama dan bincangkan bagaimana setiap peraturan tersebut "bertindak sebagai satu mekanisme untuk melaksanakan pilihan sosial"?

[20 markah]

5. (a) Kenalpasti cabaran ekologi yang utama terhadap perniagaan dan masyarakat kini.

[10 markah]

- (b) Kumpulan manakah yang lebih bertanggungjawab terhadap pencemaran persekitaran;

(i) pengeluar atau pemilik kereta yang mencemarkan udara?

(ii) Kilang elektronik yang membuang sisa beracun atau pengguna yang membeli barangan mereka? Bincangkan.

[10 markah]

AAP403

6. Tuliskan secara ringkas perkara berikut:

- (a) Perkara dan tajuk utama yang biasa terdapat dalam kod etika korporat.
- (b) Pendekatan untuk mengukur prestasi sosial organisasi perniagaan.
- (c) "Menipu dalam perniagaan itu satu perbuatan yang etika". Komenkan.

[20 markah]

---ooo0000ooo---